

Lelaki didakwa seludup penyu dalam stoking

UM 15/03/24 m 15 40

SACRAMENTO: Seorang lelaki didakwa atas pertuduhan melakukan penyeludupan penyu selepas haiwan dilindungi itu ditemukan di dalam bungkusans stoking yang dipintas di California Selatan.

Lapor *Sky News*, Sai Keung Tin, dari China didakwa selepas 40 ekor penyu eastern box ditemukan dalam empat bungkusans di sebuah fasiliti mel di bandar Torrance pada Jun 2023.

Perkara itu dinyatakan oleh ejen khas Perkhidmatan Ikan dan Hidupan Liar Amerika Syarikat (AS) menyatakan dalam afidavit yang difailkan bersama aduan jenayah itu.

Memetik laporan *NBC News*, lelaki berusia 53 tahun itu didakwa atas empat pertuduhan mengeksport barang melanggar undang-undang AS pada Jumaat lalu.

Penyu eastern box dikatakan disimpan di dalam stoking untuk mengelakkan haiwan dilindungi itu daripada mengeluarkan bunyi.

Dilaporkan, penyu eastern



DUA penyu dirampas oleh penguat kuasa dalam kes penyeludupan haiwan yang dilindungi itu. - AGENSI

box dilindungi dibawah Konvensyen Perdagangan Antara bangsa bagi Spesies Flora dan Fauna Liar Terancam (CITES).

Menurut Pejabat Peguam AS daerah California menerusi ke nyataan, penyu berkenaan ditemukan di dalam bungkusans yang tertera alamat rumah Keung Tin.

Seekor penyu dilaporkan mati manakala yang lain pula masih hidup.

Pegawai memaklumkan Keung Tin ditahan di New York pada 25 Februari lalu selepas dia tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy.

Berdasarkan laporan afidavit, suspek dikaitkan dengan individu dikenali sebagai Kang Jun tao yang pernah menyeludup sekurang-kurangnya 1,500 penyu dari AS ke Hong Kong pada 2017 dan 2018.